




MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



Laporan Peperiksaan STPM 2018

Bahasa Melayu (910)





Laporan Peperiksaan STPM 2018

Bahasa Melayu (910)



SASBADI SDN. BHD. (139288-X)
(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))
PETALING JAYA



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Diterbitkan oleh

Sasbadi Sdn. Bhd. (139288-X),
(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))
Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6145 1188
Faks: +603-6145 1199
Laman web: www.sasbadisb.com
e-mel: enquiry@sasbadi.com

Majlis Peperiksaan Malaysia,
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan memetik atau mencetak kembali mana-mana bahagian isi buku ini dalam bentuk apa jua dan dengan cara apa pun, baik secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau yang lain-lain sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

© Majlis Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia

ISBN 978-983-77-1294-2

BAHASA MELAYU (910/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 29 199 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 80.29% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	16.22	6.83	12.47	9.32	14.42	9.33	11.70	6.14	4.83	3.41	5.33

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	11	B
2	B	12	D
3	D	13	B
4	C	14	A
5	A	15	B
6	B	16	C
7	D	17	A
8	D	18	A
9	C	19	C
10	D	20	C

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A bagi semester ini adalah baik. Terdapat 132 calon yang memperoleh markah penuh, iaitu 20 markah. Seramai 35 calon pula mendapat markah yang terendah, iaitu 1 markah. Berdasarkan respons calon, didapati bahawa kebanyakan soalan merupakan soalan aras sederhana, kecuali soalan 1, 5, 10, dan 16. Soalan-soalan ini merupakan soalan yang mudah bagi calon kerana lebih daripada 60% calon dapat menjawabnya dengan betul.

BAHAGIAN B: *Pembacaan Kritis dan Analitis*

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab semua soalan berstruktur yang diberikan. Calon dikehendaki menjawab soalan dalam bahagian ini pada helaian jawapan. Markah penuh bagi bahagian ini ialah 30 markah. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam Bahagian B memuaskan. Ada calon yang mendapat markah antara 10 hingga 16 markah untuk bahagian ini. Untuk soalan 21, hanya sebilangan kecil calon memperoleh markah penuh, iaitu 2 markah. Kebanyakan calon memperoleh 1 markah atau 0 markah kerana jawapan yang diberikan tidak tepat. Untuk soalan 22, 23, dan 24, kebanyakan calon mendapat markah antara 6 hingga 8 markah daripada markah penuh, iaitu 10 markah. Walau bagaimanapun, untuk soalan 25, hanya calon yang matang berjaya memperoleh markah antara 12 hingga 16 markah, daripada markah penuh, iaitu 20 markah. Hal ini dikatakan demikian kerana soalan ini memerlukan calon berfikir secara kritis bagi mencadangkan langkah yang berkesan untuk menangani kepupusan spesies haiwan akibat pembangunan. Hanya segelintir calon mampu menunjukkan kemahiran berfikir pada aras ini.

Dari segi bahasa, prestasi calon lemah. Mereka tidak menguasai kemahiran membina ayat dengan betul. Kebanyakan ayat yang dibina merupakan ayat tergantung, panjang berjela-jela, berbelit-belit, tidak mendukung makna yang jelas dan lengkap, mengandungi kesalahan frasa, kesalahan penggunaan imbuhan, diksi, ejaan, tanda baca, dan kesalahan-kesalahan bahasa yang lain.

Komen soalan demi soalan

Soalan 21

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan maksud frasa yang berikut:

- (a) Rimba yang tak bertepi
- (b) Menentang angkara manusia

Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Hutan yang luas
- (b) Melawan perbuatan buruk manusia

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan (a) dengan betul. Oleh itu, mereka memperoleh 1 markah. Namun demikian, sebahagian besar calon tidak dapat menyatakan maksud frasa bagi soalan (b) dengan tepat. Calon tidak dapat memberikan maksud “angkara”. Antara jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Melawan kehendak masyarakat
- (ii) Menghalang perbuatan golongan tertentu

Jawapan sedemikian adalah tidak tepat. Hal ini menyebabkan calon tidak memperoleh markah untuk soalan (b).

Soalan 22

Soalan ini menghendaki calon menyatakan tanda Tuktua disegani oleh keturunannya. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Setiap kali dia bersua dengan segala kera di belantara, semuanya akan berbunyi dan mengangguk sebagai tanda hormat.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat dan mereka memperoleh markah penuh. Namun demikian, walaupun calon dapat mengemukakan isi jawapan dengan betul, kesalahan ayat dalam jawapan mereka begitu ketara.

Soalan 23

Soalan ini menghendaki calon menyatakan sebab Tuktua berasa syukur. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

(a) Tuktua berasa syukur kerana Tuhan memberikan nikmat kehidupan yang menyenangkan, tanpa diganggu-gugat oleh sesiapa sepanjang hayatnya.

atau

(b) Dunianya itu tidak pernah kehabisan rezeki. Ada petai dan jering, duku dan rambai, ada segala buah masam dan manis, serta ada lembah dan sungai untuk mandi.

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini dan mereka memperoleh markah penuh. Kelemahan calon yang ketara adalah dari segi pembinaan ayat. Walaupun calon dapat mengemukakan isi yang tepat, binaan ayat mereka tidak gramatis. Ada segelintir calon yang lemah yang menyalin ayat-ayat yang difikirkan mengandungi jawapan, tetapi hakikatnya tidak. Calon juga gemar menggabungkan ayat yang dipetik dari bahagian tertentu dalam petikan, tanpa memikirkan sama ada ayat yang digabungkan itu gramatis atau tidak.

Soalan 24

Soalan ini menghendaki calon menyatakan reaksi Tuktua dan keluarganya apabila habitat mereka diganggu. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Terkejut
- (b) Amat takut
- (c) Bertempiaran lari
- (d) Menghendap kawasan yang mengeluarkan bunyi deruman jentera
- (e) Menganggap bunyi deruman jentera tidak menjejaskan kehidupan mereka
- (f) Mententeramkan anak cucu
- (g) Bimbang tentang keselamatan

Calon hanya perlu mengemukakan empat daripada pilihan jawapan di atas. Kebanyakan calon dapat mengemukakan isi tersebut dan mereka memperoleh markah penuh untuk soalan ini. Hanya ada segelintir calon yang memperoleh 1 atau 2 markah kerana mereka memberikan satu atau dua isi sahaja.

Soalan 25

Soalan ini menghendaki calon memberikan penjelasan tentang langkah untuk menangani kepupusan spesies haiwan akibat pembangunan. Panjang jawapan calon hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan. Markah penuh untuk soalan ini ialah 20 markah. Jawapan harus dipersembahkan dengan mengemukakan isi utama, huraian isi utama, contoh, dan huraian contoh. Contoh jawapan yang sesuai untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Mewartakan kawasan hutan sebagai hutan simpan
- (b) Memindahkan haiwan ke habitat baharu
- (c) Mengawal aktiviti penerokaan hutan
- (d) Menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan
- (e) Mewujudkan habitat buatan

Calon sepatutnya mengemukakan tiga isi daripada lima isi di atas. Segelintir calon yang berprestasi tinggi dapat mengemukakan tiga isi yang tepat, memberikan huraian, dan mengemukakan contoh yang bersesuaian. Calon yang lemah pula tidak dapat mengemukakan isi yang tepat. Bilangan isi yang

dikemukakan juga tidak mencukupi. Ada calon yang tidak dapat menghuraikan isi dengan betul. Hal ini menyebabkan mereka hanya memperoleh 2 atau 3 markah bagi satu isi yang dikemukakan. Ada segelintir calon yang mengemukakan isi yang tidak sesuai, contohnya seperti yang berikut:

- (a) Mengeluarkan lesen kepada pembalak
- (b) Membawa haiwan ke hospital untuk dirawat
- (c) Membangunkan negara dengan menggunakan bahan mesra alam

Isi sebegini dianggap tidak relevan. Oleh itu, calon tidak memperoleh markah untuk isi. Selain isi, jawapan calon turut dinilai dari aspek bahasa. Kebanyakan calon hanya memperoleh 2 atau 3 markah untuk aspek bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana jawapan bagi kebanyakan calon mengandungi kesalahan binaan ayat. Ada juga calon yang mengulang-ulang ayat yang sama dengan tujuan untuk memanjangkan jawapan. Hal ini menyebabkan kesalahan bahasa yang dibuat turut berulang.

BAHAGIAN C: *Penulisan Esei Tidak Berformat*

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab satu daripada tiga soalan esei yang diberikan. Markah penuh bagi bahagian ini ialah 50 markah. Calon perlu menulis satu esei yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan soalan yang dipilih. Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian ini adalah sederhana. Calon yang berprestasi tinggi berjaya memperoleh markah melebihi 30 markah. Calon ini dapat mengemukakan isi yang relevan dan mencukupi dari segi jumlah isi yang diperlukan. Calon ini juga dapat menghuraikan isi utama dengan berkesan dan meyakinkan. Bahasa mereka juga lancar dan gramatis, dan mereka mampu mengemukakan isi dengan menggunakan bahasa yang menarik. Tegasnya, calon mampu menghasilkan esei yang menunjukkan ciri wacana yang utuh. Walau bagaimanapun, calon yang seperti ini jumlahnya tidaklah ramai.

Calon yang sederhana prestasinya pada umumnya dapat memberikan isi yang relevan, tetapi jumlah isinya antara tiga hingga empat isi sahaja. Kelemahan mereka yang utama ialah mereka tidak dapat menghuraikan isi dengan kukuh dan mantap serta relevan dengan isi utama yang dikemukakan pada awal perenggan. Dengan kata lain, huraian yang dikemukakan tidak menyokong isi utama. Tegasnya, dalam perenggan karangan mereka, tidak wujud koheren antara ayat pertama dengan ayat yang seterusnya yang sepatutnya menyokong isi utama tersebut. Disebabkan kelemahan sebegini, calon hanya memperoleh 1 atau 2 markah sahaja untuk sesuatu isi. Calon yang lemah pula gagal memberikan isi yang relevan, jelas, dan bernas, manakala jumlah isi yang dikemukakan juga kurang daripada yang sepatutnya. Huraian isi mereka lemah, di samping terdapat isi yang remeh, bertindan, dan huraian yang berulang. Ada calon yang mengemukakan isi yang bercampur aduk dengan huraian.

Pencapaian calon dalam bahagian ini dipengaruhi oleh faktor pemahaman calon tentang soalan, aspek penulisan esei calon, dan aspek kebahasaan. Dalam aspek pemahaman calon tentang soalan, didapati bahawa terdapat calon yang tidak memahami kehendak soalan esei. Hal ini dibuktikan melalui isi dan huraian yang dikemukakan. Secara umumnya, kebanyakan calon melakukan kesalahan yang hampir sama bagi ketiga-tiga soalan 26, 27, dan 28. Sebagai contoh, kewujudan frasa “warga asing” pada soalan 26 ternyata menarik sesetengah calon untuk memfokuskan isi kepada pengemis warga asing. Atas pemahaman sedemikian, calon yang berkenaan mengemukakan isi yang berkaitan dengan pengemis warga asing semata-mata sehingga mengabaikan pengemis tempatan. Bagi soalan 27, calon tidak dapat mengaitkan aktiviti bersenam dengan jaminan pengekalan kesihatan. Calon menyamakan soalan ini dengan faedah bersenam secara umum. Oleh sebab itulah, frasa mengisi masa lapang, mengeratkan hubungan kekeluargaan, dan seumpamanya dipilih sebagai isi utama karangan. Bagi soalan 28 pula, kecenderungan calon menulis faedah bersukan lebih jelas berbanding dengan manfaat memenangi pertandingan sukan pada peringkat antarabangsa. Walaupun ada calon yang mengemukakan

isi yang agak sesuai, huraian isinya kurang dikaitkan dengan manfaat yang diperoleh oleh atlet atau negara.

Dalam aspek penulisan esei, kelemahan calon dapat dilihat dalam bahagian pendahuluan, persembahan isi, dan kesimpulan. Pendahuluan yang dibina oleh segelintir calon menunjukkan bahawa calon kurang pemahaman tentang konsep pendahuluan karangan. Ada calon hanya menyalin pernyataan soalan dan menambah satu atau dua ayat lain untuk menghasilkan pendahuluan. Sesetengahnya pula mengulang-ulang ayat yang sama atau hampir sama maksudnya untuk memanjangkan pendahuluan. Akibatnya, terhasillah pendahuluan yang lemah. Kelemahan persembahan isi karangan juga amat ketara. Calon tidak dapat membezakan huraian isi karangan tentang kesan, langkah, sebab, dan manfaat (faedah) dengan jelas. Kecenderungan calon mencampuradukkan huraian isi begitu ketara. Contohnya, walaupun isi yang dikemukakan itu adalah tentang kesan, calon turut memperkatakan langkah dan lain-lain dalam huraian isinya. Tegasnya, huraian tersebut tidak berfokus pada isi yang dikemukakan. Keadaan ini menyebabkan calon tidak mendapat markah yang tinggi. Untuk bahagian kesimpulan, ketidakupayaan calon memahami maksud kesimpulan karangan amat ketara apabila sebahagian besar calon tidak dapat menghasilkan kesimpulan karangan dengan baik. Ada calon yang menulis isi lain atau mengulang perkara yang sama atau hampir sama dengan isi karangan dalam bahagian kesimpulan. Keadaan ini mengakibatkan kesimpulan karangan calon berada pada tahap lemah atau sederhana sahaja.

Dalam aspek bahasa pula, secara keseluruhannya, penguasaan bahasa calon adalah lemah. Kelemahan tersebut dapat dilihat daripada kesalahan ayat yang dibina oleh calon seperti dalam aspek yang berikut:

- (a) Cara mengemukakan isi pada awal perenggan, contohnya:
- (i) *Kesan pengemis merayau-rayau di tempat awam akan menyebabkan orang ramai terganggu.
 - (ii) *Kesan keadaan tersebut akan menjejaskan imej negara.
 - (iii) *Manfaat kepada atlet yang berjaya akan mendapat ganjaran daripada kerajaan.
 - (iv) *Meningkatkan imej negara kepada kaca mata warga asing kesan pengemis merayau-rayau di tempat awam.
- (b) Mementingkan penggunaan penanda wacana tanpa memikirkan ketepatan struktur ayatnya, contohnya:
- (i) *Selain itu, menguatkuasakan undang-undang alam sekitar yang telah diadakan oleh kerajaan.
 - (ii) *Di samping itu, pembuangan sisa toksik dalam badan.
 - (iii) *Seterusnya, mendapatkan ganjaran dan pujian daripada pihak tertentu.
 - (iv) *Akhir sekali, mengurangkan pengambilan makanan yang berlemak.
 - (v) *Sementelahan lagi, bersenam dapat mengurangkan tekanan dalam diri.
 - (vi) *Selain itu, langkah yang lain ialah menguatkuasakan undang-undang.
- (c) Menggunakan perkataan yang kedengaran menarik tanpa memahami maksudnya, contohnya:
- (i) *Pada alaf modenisasi ini sudah terang lagi bersuluh pembangunan yang efektif dalam sesebuah nusa pastinya lahir dari aspek mutu dan kualiti bidang sukan yang holistik dan dinamik.
 - (ii) *Dasawarsa ini sering terpapar di dada-dada akhbar anak-anak muda tidak lagi mahu bersenam lantaran masa yang mencemburui hidup mereka.
 - (iii) *Tiada kusut yang tidak dapat dilaraikan, tiada kotor yang tidak dapat dijernihkan, di mana ada kemahuan di situ ada jalan.
 - (iv) *Sedasawarsa ini perkara yang meniti dari bibir ke bibir umat manusia di empat penjuru negara ialah tentang banjir pengemis yang merayau-rayau di tempat awam.
- (d) Menyatakan contoh yang bukan contoh, contohnya:
- (i) *Pihak kerajaan hendaklah mengadakan hutan simpan untuk menangani kepupusan haiwan. Contohnya, banyak habitat haiwan musnah kerana tiada hutan simpan.
 - (ii) *Langkah yang dapat diambil adalah dengan memupuk sifat bertanggungjawab dalam diri masyarakat. Contohnya, sesetengah masyarakat kurang menitikberatkan soal haiwan.

- (e) Membina ayat yang panjang, contohnya:
- (i) *Di samping itu, kesan negatif yang dapat ditunjukkan dari aspek ekonomi dengan kewujudan golongan pengemis ini akan menjatuhkan imej negara serta menjejaskan reputasi negara dalam menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara luar.
 - (ii) *Kempen 1 Murid 1 Sukan yang telah dilancarkan setiap tahun membuktikan negara Malaysia merupakan negara yang mengamalkan aktiviti sihat dan cergas, bak kata pepatah mana datangnya buluh daripada rebungnya dulu, pepatah tersebut menyatakan bahawa mendidik anak-anak daripada pra-sekolah lagi agar aktiviti yang berfaedah dan sihat menjadi amalannya sehingga akhir hayatnya.
- (f) Memulakan ayat dengan kata hubung, contohnya:
- (i) *Malah, warga asing yang menjadi pengemis perlu dihantar pulang.
 - (ii) *Tetapi kita perlu mengekalkan bersenam dua kali seminggu.
 - (iii) *Namun, kita hendaklah melakukan pemeriksaan kesihatan dua kali setahun.
 - (iv) *Bahkan banyak penyakit yang sukar dicegah di negara kita.
- (g) Membina ayat tergantung, contohnya:
- (i) *Bagi mereka yang tidak bersenam boleh membuat pemeriksaan kesihatan.
 - (ii) *Apabila kita melakukan aktiviti senaman misalnya mengayuh basikal pada setiap hari.
 - (iii) *Misalnya, berjoging di luar rumah yang terdedah kepada cahaya matahari.
 - (iv) *Dengan bersenam dapat melahirkan warganegara yang sihat dan cergas.
- (h) Menggunakan frasa lewah, contohnya:
Seseorang individu, selain daripada itu, pada masa kini, antara langkah-langkah, juga turut, hanya bersenam sahaja, jangka masa panjang, kemudahan infrastruktur, semua hutan-hutan, dan pelbagai langkah-langkah.
- (i) Kesalahan binaan ayat pasif kata ganti nama diri orang ketiga, contohnya:
- (i) *Kegiatan yang mereka lakukan sukar dikesan.
 - (ii) *Penguatkuasaan undang-undang yang pihak kerajaan adakan kurang berkesan.
- (j) Kesalahan ejaan, contohnya:
Mengugat, efesen, sekaligus, kebanyakan, keseluruhan otot, mengemaskini, penguatkuasa, dan samada

Dari aspek teknikal, terdapat calon yang tidak peka dengan kekemasan kerja. Ada jawapan yang sukar dibaca kerana tulisan yang tidak berbentuk, comot, banyak pemotongan, dan penulisan yang bertindan-tindih.

Komen soalan demi soalan

Soalan 26

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah esei tentang kesan yang timbul daripada ramainya pengemis yang merayau-rayau di tempat awam dan mengemukakan langkah untuk mengatasinya. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Kesan ramai pengemis merayau-rayau di tempat awam
- (i) Mencemarkan imej sesebuah negara
 - (ii) Menyebabkan orang ramai tidak selesa
 - (iii) Membahayakan diri sendiri dan orang ramai
 - (iv) Mendorong orang lain untuk turut mengemis dan menyebabkan hal ini bertambah buruk
 - (v) Menggalakkan berlakunya kes jenayah, seperti penipuan dan penculikan

- (b) Langkah untuk mengatasinya
- (i) Mengadakan operasi menyelamat atau pemeriksaan terhadap pengemis dengan lebih kerap
 - (ii) Membantu pengemis yang hidup dalam himpitan kemiskinan dan terpaksa mengemis bagi meneruskan kehidupan mereka
 - (iii) Mengingatkan orang ramai agar tidak melayani mereka
 - (iv) Mengesan sindiket yang menggunakan pengemis demi kepentingan mereka dan mengenakan tindakan tegas terhadap kumpulan sindiket tersebut

Secara keseluruhannya, calon yang memilih soalan ini, mampu mengemukakan lima isi dengan betul, iaitu isi (i), (ii), dan (iv) untuk kesan dan isi (i) dan (ii) bagi langkah untuk mengatasinya. Calon berupaya untuk memberikan huraian berserta dengan contoh yang relevan. Kelemahan calon yang dikenal pasti ialah segelintir calon tidak memahami istilah “pengemis”. Terdapat sebilangan calon yang menyamakan pengemis dengan penganggur, gelandangan, atau kutu rayau. Selain itu, ada sesetengah calon memberikan definisi pengemis sebagai individu yang malas bekerja. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat memberikan huraian yang tepat dan contoh yang sesuai. Sesetengah calon pula memfokuskan kesan kemasukan pekerja asing atau pendatang asing kerana dalam soalan terdapat pernyataan pengemis warga asing. Hal ini menyebabkan calon berkenaan mengemukakan isi yang tidak relevan, terutamanya dalam aspek langkah untuk mengatasi kegiatan pengemis yang merayau-rayau di tempat awam. Antara langkah yang dikemukakan oleh calon termasuklah menghantar pulang warga asing, mengawal kemasukan warga asing di sempadan negara, mengenakan hukuman kepada majikan yang membawa masuk warga asing tanpa izin, dan lain-lain.

Soalan 27

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah esei tentang sejauh manakah mereka bersetuju dengan pernyataan bahawa bersenam amat digalakkan untuk dijadikan amalan harian kerana aktiviti tersebut dapat menjamin pengekalan kesihatan tubuh badan seseorang. Bagi soalan ini, calon seharusnya dapat mengemukakan isi bahawa bersenam dapat menjamin kesihatan. Selain itu, calon perlu mengemukakan cara-cara lain yang difikirkan dapat membantu menjamin kesihatan. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Senaman dapat menjamin kesihatan
- (i) Mengelakkan obesiti
 - (ii) Menghilangkan toksin
 - (iii) Menyihatkan jantung
 - (iv) Menguatkan otot saraf dan sendi seluruh badan
 - (v) Meredakan tekanan
 - (vi) Meningkatkan stamina
- (b) Cara lain yang juga dapat menjamin kesihatan
- (i) Mengamalkan diet yang sihat
 - (ii) Mengelakkan amalan negatif, seperti merokok
 - (iii) Mengambil langkah pencegahan, misalnya mengambil suntikan pelalian
 - (iv) Menjaga kebersihan
 - (v) Melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala

Secara keseluruhannya, calon yang memilih soalan ini, dapat mengemukakan isi yang relevan, iaitu isi (i), (iv), (v), dan (vi) untuk aspek senaman dapat menjamin kesihatan, dan isi (i), (iv), dan (v) untuk aspek cara lain yang juga dapat menjamin kesihatan. Calon juga berupaya untuk memberikan huraian berserta dengan contoh yang relevan. Kelemahan calon yang dikesan ialah mereka tidak dapat mengaitkan senaman dengan kesihatan. Walaupun isinya boleh diterima, huraiannya pelbagai, seperti cara bersenam, langkah untuk menggalakkan orang ramai bersenam, dan sebab individu tidak

bersenam. Huraian sedemikian tidak berfokus pada isi. Selain itu, walaupun cara lain untuk menjamin kesihatan itu betul, huraian isi juga tidak dikaitkan dengan menjamin kesihatan secara langsung. Contohnya, pemakanan seimbang sebagai salah satu cara untuk menjamin kesihatan adalah tepat. Namun begitu, calon menjelaskan jenis makanan yang perlu diambil dengan panjang lebar dan tidak kurang pula ada calon yang mencampuradukkan huraian isi dengan langkah untuk menggalakkan orang ramai mengamalkan pemakanan seimbang. Calon sepatutnya menghuraikan isi dengan menjelaskan bagaimana yang dimaksudkan makanan seimbang, mengapa makanan seimbang penting, dan impak pengamalannya dari segi kesihatan. Kelemahan calon yang sedemikian menyebabkan calon tidak memperoleh markah yang baik.

Soalan 28

Soalan ini menghendaki calon menulis esei tentang manfaat kejayaan seseorang atlet dalam pertandingan sukan pada peringkat antarabangsa kepada atlet itu sendiri dan kepada negara. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Manfaat kejayaan atlet kepada diri sendiri
 - (i) Menaikkan nama/imej atlet itu sendiri
 - (ii) Memperoleh ganjaran yang lumayan
 - (iii) Menjadi duta kecil negara dan berpeluang untuk memperkenalkan Malaysia pada peringkat dunia
 - (iv) Meningkatkan profesionalisme atlet itu dalam bidang yang diceburi
 - (v) Memperluas rangkaian persahabatan atlet tersebut pada peringkat antarabangsa
 - (vi) Mudah mendapat penaja dalam usaha atlet berkenaan meneruskan kerjaya
- (b) Manfaat kejayaan atlet kepada negara
 - (i) Meningkatkan imej negara
 - (ii) Memberikan peluang kepada negara untuk menganggotai sesuatu pertubuhan sukan peringkat dunia
 - (iii) Mendapat publisiti melalui siaran langsung daripada pertandingan yang disertai oleh atlet berkenaan
 - (iv) Memberikan peluang kepada negara untuk menjadi tuan rumah bagi acara sukan tertentu pada peringkat antarabangsa

Calon yang berprestasi tinggi dapat memahami kehendak soalan dan dapat mengemukakan manfaat kejayaan atlet kepada atlet itu sendiri dan kepada negara. Mereka mengemukakan isi yang tepat berserta dengan huraian dan contoh yang sesuai. Calon juga berupaya memberikan nama atlet tersohor sebagai contoh dalam esei mereka. Calon yang lemah pula tidak dapat mengemukakan isi yang tepat. Mereka mengemukakan isi yang remeh atau isi yang tidak relevan. Contoh isi yang dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Memberikan semangat kepada atlet untuk membantu atlet lain
- (ii) Membantu perkembangan industri pelancongan
- (iii) Menarik kemasukan pelabur asing
- (iv) Menjadi contoh kepada atlet dari negara lain
- (v) Menyatupadukan kaum, apabila penonton menyokong atlet yang berjaya

Jawapan calon yang sebegini menyebabkan mereka tidak memperoleh markah untuk isi.

BAHASA MELAYU (910/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 28 348 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 57.13% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	6.36	5.95	8.59	10.85	6.16	12.79	6.43	6.31	6.04	5.75	24.77

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	C	11	B	21	C
2	A	12	B	22	A
3	C	13	A	23	C
4	D	14	B	24	B
5	C	15	D	25	D
6	D	16	D	26	A
7	A	17	D	27	B
8	A	18	A	28	B
9	C	19	B	29	B
10	C	20	C	30	D

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A bagi semester ini adalah sederhana. Terdapat 37 calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 30 markah. Terdapat 21 calon yang mendapat markah yang terendah, iaitu 0 markah.

Berdasarkan respons calon, didapati bahawa terdapat dua soalan yang sukar, iaitu soalan 26 dan 29, kerana hanya 30% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan 1, 3, 4, 5, 6, 13, 21, 25, dan 30 pula merupakan soalan beraras mudah kerana lebih 70% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan-soalan yang lain merupakan soalan yang sederhana bagi calon.

BAHAGIAN B: Struktur

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab semua soalan yang diberikan. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam Bahagian B adalah sederhana. Kebanyakan calon yang berprestasi tinggi membuat persediaan secukupnya. Calon memperoleh 24 markah dan ke atas, daripada markah penuh, iaitu 30 markah. Ada antara calon yang berjaya memperoleh markah penuh. Sebahagian daripada calon dapat menguasai aspek-aspek yang ditanyakan, berupaya memahami kehendak soalan dengan tepat, menggunakan istilah yang betul, dan menjawab soalan dengan betul dalam binaan ayat-ayat yang gramatis. Calon ini juga mengetahui teknik menjawab soalan. Selain itu, calon juga mampu memberikan anggaran jawapan yang berkadar dengan peruntukan markah. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidaklah memberikan isi jawapan secara ringkas atau secara berlebihan untuk sesuatu soalan itu.

Walaupun calon yang berprestasi tinggi mampu menunjukkan pencapaian yang cemerlang, tetapi pada hakikatnya, masih ada calon yang tidak bersedia dan tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang aspek tatabahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat walaupun bagi soalan yang pada dasarnya adalah mudah dan hanya merupakan aspek yang paling asas dalam bidang morfologi dan sintaksis. Kebanyakan calon cuba menjawab semua soalan yang dikemukakan namun masih ada calon yang hanya mendapat 2 hingga 5 markah (daripada 30 markah). Ada calon yang gagal mendapat apa-apa markah disebabkan jawapan mereka salah atau mereka tidak menjawab soalan dengan cara yang betul. Calon keliru dan meneka-neka jawapan. Di samping itu, ada calon yang lemah membiarkan ruang jawapan yang disediakan itu kosong tetapi jumlahnya tidak besar.

Kekuatan calon hanya agak ketara untuk soalan 31, 32(a), dan 34, dan sebahagian daripada soalan 38, manakala untuk soalan lain adalah lemah. Ada calon yang mendapat 0 markah untuk soalan 35, 36, dan 37, malah ada calon membiarkan ruang jawapan kosong. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak menguasai tajuk tentang ayat, termasuk ayat dasar. Bagi soalan 38 (soalan analisis kesalahan bahasa yang memperuntukkan markah sebanyak 9 markah), prestasi calon sederhana. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang tidak mendapat sebarang markah. Mereka memberikan jawapan yang tidak kritis dan tidak analitis. Selain itu, masih ramai calon yang memberikan unsur ayat yang betul penggunaannya sebagai jawapan kerana menganggapnya sebagai salah. Mereka memberikan jawapan secara teragak-agak, tidak lengkap, dan tidak munasabah. Ada antara calon juga gagal mengesan jenis kesalahan bahasa yang sama yang tertera dalam petikan yang diberikan. Contohnya, calon dapat mengesan kesalahan penggunaan kata sendi nama *pada* dalam konteks *pada bandar*, tetapi calon tidak dapat mengesan jenis kesalahan yang sama, iaitu kesalahan tidak adanya penggunaan kata sendi nama yang setara dengan *pada*, dalam binaan ayat yang sama juga, iaitu dalam frasa “...(di) pinggir bandar (di) negara ini...”. Kecuaian seperti inilah yang menyebabkan calon gagal memperoleh markah yang baik.

Secara umumnya, kelemahan calon berpunca daripada tiga perkara. Pertama, calon tidak memahami konsep atau istilah dalam bidang tatabahasa. Calon tidak memahami konsep, termasuk konsep yang paling asas dalam bidang morfologi dan sintaksis. Antaranya seperti morfem bebas, morfem terikat, bentuk kata, golongan kata, kata dasar, kata tunggal, kata terbitan, akronim, frasa, klausa, ayat dasar, proses penerbitan ayat, dan sebagainya. Oleh yang demikian, calon bukan sahaja memberikan jawapan yang salah malah mereka juga menjawab soalan dengan menggunakan istilah-istilah yang salah dan tidak berkaitan dengan konteks soalan. Lebih serius lagi, ada antara calon yang langsung tidak menjawab soalan dan membiarkan ruang jawapan kosong. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak mempunyai ilmu yang mencukupi.

Punca kedua ialah calon cuai; tidak teliti. Sesetengah daripada calon ketara sekali tidak membaca soalan dengan teliti dan sebagai kesannya, ada jawapan mereka yang tidak menepati kehendak soalan. Sebagai contoh, bagi soalan 36, soalan (a) meminta calon memberikan contoh ayat tanya terbuka, manakala soalan (b) meminta calon memberikan contoh ayat tanya tertutup. Calon yang lemah menjawabnya secara terbalik ataupun memberikan contoh yang sama, iaitu kedua-duanya ayat tanya terbuka atau tertutup. Soalan juga meminta calon agar tidak menggunakan partikel tanya, tetapi calon memberikan contoh ayat yang menggunakan partikel tanya. Tegasnya, ada antara calon menjawab soalan bukan berdasarkan kehendak soalan tetapi berdasarkan apa yang diketahui oleh mereka. Bagi soalan 33(b) pula, soalan meminta calon membina frasa, tetapi calon membina ayat. Walaupun penggunaan kata nafi dalam konteks ayat tersebut adalah betul, tetapi hakikatnya jawapan calon tidak menepati kehendak soalan. Oleh sebab itu, calon mendapat markah yang rendah atau 0 markah. Calon seperti ini juga didapati melakukan kesalahan yang tidak sepatutnya, misalnya mengeja sesuatu istilah dengan ejaan yang salah, seperti *pengmajmukan*, *komplimen*, *penterbitan*, dan lain-lain. Satu lagi contoh kecuaiannya adalah bagi soalan 31. Soalan meminta calon mencatatkan morfem, tapi ada antara calon mengira jumlah morfem dalam perkataan yang diberikan itu.

Punca ketiga ialah calon tidak serius dalam menjawab soalan. Calon memberikan jawapan secara sembarangan. Calon juga tidak dapat berfikir secara kritis dan analitis; jauh sekali untuk menilai sama ada sesuatu binaan, seperti frasa, klausa, atau ayat yang dibina oleh mereka itu betul atau salah. Contohnya, mereka membina ayat seperti yang berikut:

- (i) *Emak menggoreng ikan dengan penuh kasih sayang.
- (ii) *Rupanya seperti milik orang kaya.
- (iii) *Dia menari sambil belajar.
- (iv) *Baju kurung walaupun sudah koyak.
- (v) *Telah kehabisan walaupun masih cantik.

Ayat-ayat yang dibina seperti di atas boleh dipersoalkan dari segi logik semantikanya. Sesetengah calon juga memberikan jawapan yang tidak mantap dan boleh dipersoalkan. Sebagai contohnya, calon membina ayat, *Adik sedang minum. Emak sedang memasak.* (KK aktif transitif tanpa objek). Ayat seperti ini boleh dipersoalkan ketepatannya walaupun ada ahli bahasa yang menganggap bahawa KK *makan* dan *memasak* itu ialah KK *semitransitif*, dan tidak memerlukan objek. Pada hakikatnya, KK itu masih memerlukan objek dalam bentuk bakunya.

Dari segi perancangan, tidak begitu ketara bahawa calon membuat perancangan sebelum menjawab soalan. Hal ini dikatakan demikian kerana kertas ini mengandungi soalan struktur yang perlu dijawab dengan ringkas, padat, dan tepat, kecuali soalan 38. Maka, aspek perancangan yang rapi sukar dikesan. Walau bagaimanapun, bagi soalan 38, jelas bahawa kebanyakan calon tidak membuat perancangan dengan baik. Sesetengah calon gagal menunjukkan bahagian-bahagian kesalahan dengan tepat dan jelas, gagal menjelaskan sebab kesalahan, dan tidak dapat membuat pembetulan dengan tepat dan jelas.

Secara bandingan pula, agak ketara bahawa calon lebih menguasai aspek morfologi daripada aspek sintaksis. Buktinya, kebanyakan calon mendapat lebih banyak markah pada bahagian morfologi. Hal ini dikatakan demikian mungkin disebabkan bidang morfologi lebih mudah untuk dikuasai.

Dari aspek teknikal, terdapat calon yang tidak peka dengan kekemasan kerja. Ada jawapan yang sukar dibaca kerana tulisan yang tidak berbentuk, comot, banyak pemotongan, dan penulisan yang bertindan-tindih.

Komen soalan demi soalan

Soalan 31

Soalan 31 menghendaki calon menyatakan morfem bebas dan morfem terikat bagi perkataan yang berikut:

- (a) Memperkenalkan
- (b) Kemelataran

Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Morfem bebas: kenal
- (ii) Morfem terikat: *-kan/meN-...-kan/memper-...-kan*
- (b) (i) Morfem bebas: larat/melarat
- (ii) Morfem terikat: *meN-/me-/ke-...-an*

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul dan mereka memperoleh markah penuh, iaitu 4 markah. Calon dapat mengenal pasti morfem bebas dan morfem terikat bagi kedua-dua perkataan tersebut. Namun demikian, bagi calon yang lemah, kebanyakannya tidak mampu menyatakan morfem terikat dengan betul, misalnya dikatakan bahawa morfem terikat bagi perkataan “memperkenalkan” ialah *mem-...-kan*, *mem-*, *per-*, *per-...-an*, atau *per-...-kan*. Bagi perkataan “kemelataran” pula, morfem terikatnya dikatakan sebagai *ke-em-an*, dan *-an*. Ramai juga calon yang menuliskan morfem terikat dengan cara yang salah, misalnya ditulis seperti ini: (*mem*, *per*, *kan*), (*mem-*), (*memper-...-kan*), *memp-kan*, *Per-*, *meN-*, *per-*, *kan*, dan *-an*.

Selain itu, ada juga calon yang menulis sepenuhnya perkataan yang diberikan dalam soalan sebagai jawapan bagi morfem terikat. Ada juga calon yang memberikan jawapan “perkenal” dan “kemelarat” sebagai morfem bebas. Selain itu, ada juga calon yang memberikan jawapan dengan menyatakan jenis morfem terikat, seperti “morfem terikat satuan” dan “morfem terikat kompleks”, “terbahagi” dan “apitan”, malah terdapat juga yang menggunakan istilah yang tidak wujud, seperti “morfem terikat pancangan”, “morfem terikat gabungan”, “morfem terikat berpelengkap”, “berapitan”, “terbahagi”, dan “morfem terikat relatif”.

Soalan 32

Soalan 32 menghendaki calon menamakan bentuk kata bagi perkataan yang bergaris dalam petikan yang diberikan, iaitu:

Pelajar Tingkatan Enam perlu lebih berdikari untuk menambahkan ilmu pengetahuan, dan bukannya mengharapkan guru semata-mata. Mereka juga perlu mempamerkan peribadi yang unggul kepada pelajar lain.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (a) Berdikari: kata tunggal
- (b) Beribadi: kata majmuk/kata tunggal

Ramai calon dapat memberikan jawapan yang betul bagi soalan ini dan mereka mendapat markah penuh. Calon dapat mengenal pasti bahawa bentuk kedua-dua kata yang bergaris itu ialah kata tunggal. Calon juga dapat mengenal pasti bentuk kata yang menjadi *kata* pemayang bagi perkataan yang diberikan itu, dan memadankan perkataan dengan *subistilahnya*. Walau bagaimanapun, ada juga calon yang keliru dan menganggap bahawa *ber-* dalam *berdikari* ialah imbuhan, dan kata itu dikatakan sebagai kata terbitan.

Namun demikian, calon yang lemah memberikan berbagai-bagai jawapan untuk soalan ini. Misalnya, ada yang mengatakannya sebagai “kata terbitan”, “kata penerbitan”, “kata pengakroniman”, “kata pemajmukan”, “kata kerja”, “kata nama”, dan “kata adjektif”. Mereka tidak dapat membezakan bentuk kata, golongan kata, dan proses pembentukan kata. Walaupun kata “berdikari” sebenarnya ialah kata akronim, tetapi soalan meminta bentuk kata, dan “kata akronim” tidak termasuk dalam kategori bentuk kata. Oleh itu, jawapan kata akronim untuk soalan 32(a) tidak dapat diterima. Selain itu, ada juga calon yang menamakan bentuk/binaan itu sebagai ayat. Oleh itu, jawapan mereka ialah ayat tunggal dan ayat majmuk. Jawapan sebegini tidak diterima.

Bagi soalan 32(b), kedua-dua jawapan, iaitu kata tunggal dan kata majmuk dapat diterima sebagai jawapan yang betul. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila dilihat dari segi binaan, kata itu terbina daripada dua perkataan, maka kata itu termasuk dalam kategori kata majmuk. Jika dilihat dari segi semantik pula, maknanya tidaklah berbentuk kata majmuk tetapi membawa maksud kata tunggal dan dalam kamus, kata itu dimasukkan sebagai satu entri yang tersendiri.

Soalan 33

Soalan 33 terbahagi kepada dua, iaitu 33(a), dan 33(b). Soalan 33(a) menghendaki calon memberikan kata nafi untuk:

- (i) X: Kata nafi yang digunakan sebelum kata kerja dan kata adjektif
- (ii) Y: Kata nafi yang digunakan sebelum kata nama dan kata sendi nama

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) X: Tidak
- (ii) Y: Bukan

Soalan 33(b) menghendaki calon memberikan satu contoh frasa yang mengandungi kata nafi X dan satu contoh frasa yang menggunakan kata nafi Y.

Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) X: tidak duduk/tidak besar
- (ii) Y: bukan ibu/bukan di dalam laci

Bagi soalan 33(a), majoriti calon dapat memberikan jawapan yang betul seperti yang dikehendaki oleh soalan. Antara contoh jawapan calon yang betul ialah “tidak baik menipu”, dan “tidak tersembunyi lagi”. Bagi soalan 33(b) pula, antara contoh jawapan calon ialah “bukan kawan saya”, “bukan di sekolah”, dan “bukan dari situ”. Jika dibandingkan jawapan bagi soalan (a) dengan (b), lebih ramai calon yang dapat menjawab soalan (a) dengan betul berbanding dengan soalan (b).

Calon yang lemah memberikan jawapan yang salah. Mereka memberikan contoh kata larangan, seperti “jangan”, “janganlah”, “usah”, “usahlah”, dan “dilarang”. Ada juga calon yang memberikan kata bantu yang mendukung unsur makna *tidak* dan *bukan* sebagai jawapan, seperti “tidak akan”, “belum”, “akan”, dan “enggan”. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan dengan menggunakan istilah yang tidak wujud, misalnya “kata nafi subjek”, “kata nafi predikat”, “kata nafi komplemen”, “kata nafi belakang”, “kata nafi depan”, “kata nafi terselindung”, “kata nafi prafrasa”, “kata nafi nyata”, “kata nafi pasif”, dan lain-lain. Ada juga calon yang memberikan contoh yang terbalik, iaitu *bukan* untuk soalan 33(a)(i) dan *tidak* untuk soalan 33(a)(ii).

Bagi soalan 33(b), kelemahan calon yang paling ketara ialah calon memberikan contoh ayat atau klausa, bukannya frasa walaupun penggunaan kata nafi itu betul dalam konteks ayat yang diberikan oleh calon. Contoh jawapan calon adalah seperti “itu tidak cantik walaupun baru”, dan “iparnya bukan orang sini tetapi orang jauh”. Hal ini menyebabkan calon tidak mendapat sebarang markah. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak dapat membezakan rentetan kata sebagai ayat dan frasa. Selain itu, calon yang memberikan jawapan yang salah bagi soalan 33(a) akan memberikan jawapan yang salah juga bagi soalan 33(b).

Soalan 34

Soalan 34 terbahagi kepada empat, iaitu soalan 34(a), 34(b), 34(c), dan 34(d). Soalan 34(a) menghendaki calon menamakan proses morfologi bagi kata “kemuncup”. Jawapan yang sepatutnya ialah proses pengimbuhan. Soalan 34(b) meminta calon memberikan satu contoh kata yang terbentuk melalui proses penggandaan. Contoh jawapan yang tepat ialah kekisi, kura-kura, rumah-rumah, dan kekuning-kuningan. Soalan 34(c) meminta calon menamakan proses morfologi bagi kata “kadangkala”. Jawapan yang tepat bagi soalan ini ialah proses pemajmukan. Soalan 34(d) pula meminta calon memberikan satu contoh kata yang terbentuk melalui proses pengakroniman. Contoh jawapan yang tepat ialah ADUN, UPSI, pawagam, dan tadika.

Ramai calon yang dapat menjawab soalan ini dengan betul dan mereka mendapat 3 atau 4 markah. Calon dapat mengenal pasti proses pengimbuhan dan pemajmukan untuk kata-kata yang diberikan dan memberikan contoh perkataan yang sesuai bagi proses morfologi yang diminta. Majoriti calon mendapat sekurang-kurangnya 1 atau 2 markah untuk soalan ini. Kebanyakan calon juga dapat memberikan contoh yang betul bagi kata ganda dan kata akronim. Dari segi kata ganda, calon dapat memberikan contoh daripada pelbagai jenis kata ganda, termasuk gandaan semu, gandaan penuh, dan gandaan separa. Hal ini menunjukkan bahawa calon menguasai subtajuk ini dengan baik.

Namun demikian, calon yang lemah memberikan istilah yang tidak tepat, misalnya bagi soalan 34(a) dan 34(c), mereka memberikan jawapan proses penerbitan, penggabungan, pengguguran, peluasan, dan penyisipan. Dalam hal ini, ada antara calon melakukan kesalahan yang tidak sepatutnya, misalnya mengeja istilah dengan salah, seperti *pengmajmukkan*, *pengeimbuhan*, *pengnerbitan*, *pensisipan*, dan *perimbuhan*. Ada juga calon yang menulis jenis kata, iaitu majmuk dan terbitan sahaja. Keadaan ini tidak sepatutnya berlaku. Satu lagi kesilapan yang dapat dikesan bagi soalan 34(b) ialah calon memberikan contoh kata ganda yang pada hakikatnya bukan kata ganda, seperti lemah longlai, kering kontang, sampah sarap, bukit bukau, tuan puan, dan lalu lintas. Bagi soalan 34(d) pula, contoh yang diberikan oleh calon yang lemah ialah contoh singkatan, bukannya akronim, seperti JKR, MCA, UM, dan UTM. Contoh-contoh ini bukanlah akronim kerana tidak dapat dilafazkan sebagai kata. Selain itu, ada juga calon yang menulis akronim dengan ejaan yang salah, misalnya TADIKA dan CERPEN (ditulis dengan huruf besar). Ada calon yang terkeliru dengan kata ganda, misalnya mereka memberikan contoh lelaki dan tetikus. Ada juga calon yang memberikan contoh kata majmuk, seperti Minah Restoran dan estet mini untuk akronim.

Soalan 35

Soalan ini terbahagi kepada dua, iaitu 35(a) dan 35(b). Soalan 35(a) meminta calon mengemukakan dua ciri ayat dasar. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Merupakan ayat penyata
- (ii) Merupakan ayat aktif
- (iii) Merupakan ayat susunan biasa
- (iv) Mengandungi satu klausa/mengandungi satu subjek dan satu predikat
- (v) Tiada unsur penegasan/penekanan/penafian

Soalan 35(b) meminta calon membina satu contoh ayat dasar. Untuk soalan ini, calon boleh membina apa-apa sahaja ayat yang menepati satu daripada pola ayat dasar, iaitu FN + FN, FN + FK, FN + FA, dan FN + FS.

Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Calon yang memahami konsep ayat dasar mampu menjawab soalan dengan betul dan lengkap serta memberikan contoh ayat yang tepat. Tiga ciri ayat dasar yang diketahui oleh calon ialah ayat susunan biasa, mempunyai satu subjek dan satu predikat, dan ragam ayat dasar ialah ragam aktif. Antara contoh ayat yang dibina oleh calon untuk soalan 35(b) adalah seperti yang berikut:

- (i) Kanak-kanak itu bermain bola sepak.
- (ii) Pulau peranginan itu jauh dari bandar.
- (iii) Bapa membersihkan kebun durian.

Calon yang lemah gagal memberikan ciri ayat dasar dengan tepat dan membina ayat yang menyalahi ciri ayat dasar. Ramai calon yang terkeliru antara ayat dasar dengan ayat tunggal. Antara kesalahan yang dilakukan calon ialah mereka membina ayat yang tidak lengkap dan memberikan pernyataan yang tidak tepat untuk menunjukkan ciri ayat dasar, misalnya menterbalikkan ciri itu. Contohnya: Ayat dasar ialah ayat yang boleh dipasifkan atau ayat dasar bukanlah ayat songsang.

Contoh jawapan yang diberikan oleh calon untuk soalan 35(a) adalah seperti yang berikut:

- (i) Ayat yang mempunyai makna
- (ii) Ayat yang boleh berdiri sendiri
- (iii) Ayat yang mempunyai subjek dan predikat
- (iv) Bukan ayat songsang
- (v) Ayat yang mempunyai klausa
- (vi) Ayat yang mempunyai unsur inti
- (vii) Bukan ayat pasif
- (viii) Ayat yang boleh dipasifkan
- (ix) Ayat yang mengandungi frasa
- (x) Ayat yang mempunyai proses penyusunan semula
- (xi) Ayat yang mempunyai pola ayat khusus
- (xii) Ayat yang menjadi unsur pembentukan ayat
- (xiii) Ayat yang mempunyai subjek utama
- (xiv) Ayat yang mempunyai empat pola

Kesemua jawapan di atas boleh dipersoalkan ketepatannya. Bagi jawapan untuk soalan 35(b) pula, ramai calon yang memberikan contoh ayat yang tidak menepati ayat dasar, misalnya mereka memberikan contoh ayat majmuk, ayat minimal, ayat songsang, dan ayat pasif. Contohnya:

- (i) Anis sememangnya budak yang pandai.
- (ii) Dia berceramah dengan penuh bersemangat.
- (iii) Adik suka tendang bola.
- (iv) Bayi itu bukannya tidur.
- (v) Aminah kena marah ibu.
- (vi) Ke kedai ibu pergi pagi tadi.
- (vii) Pelajar itu kena marah.
- (viii) Ikan itu ditangkap oleh Ali.

Kesemua contoh ayat ini bukanlah ayat dasar.

Selain itu, ada jawapan yang mengandungi kata kerja aktif transitif tetapi objeknya digugurkan. Ini menjadikan ayat itu tidak gramatis. Contohnya: Ibu menjahit. Abang memancing. Abang makan. Ayat-ayat ini perlu diberikan objek kerana jika tanpa objek, ayat itu menjadi ayat yang tidak formal atau bersifat kolokial dan tidak menepati bentuk baku.

Selain itu, terdapat juga contoh ayat yang sukar diterima dari segi logik semantiknya, misalnya:

- (i) *Ibu menggoreng ayam dengan penuh kasih sayang.
- (ii) *Dia menari sambil belajar.
- (iii) *Ayah ke pasar sambil berbasikal.
- (iv) *Baju kurung walaupun sudah koyak.

Soalan 36

Soalan 36 terbahagi kepada dua, iaitu 36(a) dan 36(b) berdasarkan rangsangan yang berikut:

<i>P</i>	Ayat tanya terbuka
<i>Q</i>	Ayat tanya tertutup

Soalan 36(a) meminta calon membina satu ayat bagi *P* dan soalan 36(b) meminta calon membina satu ayat bagi *Q* tanpa menggunakan partikel tanya. Contoh jawapan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

P: Bapa kamu siapa?/Dalam beg kamu apa?/Kamu sampai bila?

Q: Dia tidur di situ?/Air itu panas?/Wang itu milik anda?

Sebilangan calon berjaya menjawab soalan ini dengan tepat dan mendapat markah penuh. Calon dapat membina ayat yang menepati ciri ayat yang diminta, iaitu tanpa partikel tanya baik ayat tanya tertutup mahupun ayat tanya terbuka.

Antara contoh jawapan yang betul:

- P*: (i) Budak lelaki itu siapa?
(ii) Abang awak balik bila?
(iii) Kamu berasal dari mana?

- Q*: (i) Kamu ke sana semalam?
(ii) Kucing itu milik awak?
(iii) Duit kamu hilang?

Calon yang lemah nyata sekali tidak menguasai aspek sintaksis ini dengan baik. Ramai calon yang cuba menjawab soalan ini tetapi tidak mendapat markah kerana kesalahan tidak mematuhi kehendak soalan. Soalan meminta supaya calon tidak menggunakan partikel tanya dalam ayat yang diberikan tetapi calon menggunakan partikel tanya dalam jawapan mereka. Tanpa partikel tanya, bermakna calon perlu membina ayat penyata susunan biasa dan menggunakan tanda soal (?) pada akhir ayat. Walau bagaimanapun, kebanyakan calon tidak memberikan jawapan sedemikian. Antara contoh kesalahan jawapan calon bagi soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Tidak menepati kehendak soalan kerana menggunakan partikel tanya
- (ii) Memberikan jawapan secara terbalik. (Mungkin disebabkan calon tidak pasti akan perbezaan antara ayat tanya terbuka dengan ayat tanya tertutup)
- (iii) Tidak menggunakan tanda soal pada akhir ayat

- (iv) Menggunakan ayat songsang, iaitu pendepanan predikat. (Sebenarnya, apabila ayat tanya dibentuk dalam binaan songsang, ayat itu memerlukan penggunaan partikel tanya pada predikat yang dikedepankan)
- (v) Memberikan contoh ayat tanya yang sama untuk kedua-dua *P* dan *Q*
- (vi) Memberikan contoh ayat yang sama; tetapi bagi salah satu daripadanya, ada bahagian yang dikedepankan. Misalnya:
P: Kaubeli komputer riba itu?/Duitkau berapa banyak?
Q: Komputer riba itu kaubeli?/Banyak mana duitkau?
- (vii) Membina ayat dengan menggunakan kata bantu, seperti sudah, perlu, pernah, dan lain-lain, yang memungkinkan jawapan yang diberikan bersifat soalan terbuka sebagai contoh untuk *Q*. Antara contoh jawapan yang salah:
- Kamu tinggal di mana. (Tiada tanda soal)
 - Berapa lama Aminah berkhidmat di pejabat ini. (Tiada tanda soal)
 - Di manakah kamu tinggal? (Merupakan ayat tanya terbuka)
 - Dah makan? (Bersifat kolokial)
 - Kamu sedang belajar atau sudah bekerja? (Soalan bersifat terbuka)

Disebabkan kesalahan yang sedemikian, ramai calon yang tidak mendapat markah untuk soalan ini.

Soalan 37

Soalan 37 terbahagi kepada dua, iaitu 37(a) dan 37(b). Untuk soalan ini, calon dikehendaki untuk membina satu ayat yang mengalami proses penerbitan seperti yang berikut:

- (a) Proses peluasan
 (b) Proses pengguguran

Contoh jawapan yang sesuai untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Jawapan calon seharusnya menepati mana-mana bentuk peluasan yang berikut:
- (i) Peluasan FN sebagai subjek, contohnya: Budak yang pandai itu anak guru saya.
 - (ii) Peluasan FN predikat, contohnya: Saya memetik buah yang ranum itu.
 - (iii) Peluasan dengan kata hubung, contohnya: Dia tidak hadir kerana tidak diundang.
 - (iv) Peluasan melalui komplementasi, contohnya: Mereka dikatakan tidak berada di situ pada waktu itu.
- (b) Jawapan calon seharusnya menepati mana-mana bentuk pengguguran yang berikut:
- (i) Pengguguran FN subjek, contohnya: Keluar dari sini.
 - (ii) Pengguguran predikat, contohnya: Salleh dan Abu pekerja kilang itu.
 - (iii) Pengguguran bahagian-bahagian predikat, contohnya: Kamu ditipu.
 - (iv) Pengguguran FN yang mendahului frasa relatif, contohnya: Yang berbaju biru itu adik saya.
 - (v) Pengguguran KN inti dalam FN subjek, contohnya: Bersenam menyihatkan badan.

Ramai calon yang dapat menjawab soalan ini dengan betul. Calon dapat membina ayat-ayat terbitan seperti kehendak soalan. Hal ini menunjukkan bahawa calon memahami kehendak soalan dan membina ayat yang tepat. Walau bagaimanapun, ramai calon yang hanya mendapat 1 markah kerana satu daripada contoh ayat yang diberikan itu salah. Bagi soalan 37(a), ramai calon yang memberikan contoh peluasan ayat dengan peluasan klausa relatif pada subjek atau predikat ayat. Contohnya:

- (i) Wanita yang berdiri itu ibu budak itu.
- (ii) Dia seorang pelajar yang pandai di dalam kelasnya.
- (iii) Rumah yang besar itu sangat cantik.
- (iv) Amin telah pergi ke Kuala Lumpur untuk menghadiri temu duga esok.

Bagi soalan 37(b) pula, ramai calon dapat memberikan contoh ayat yang mengalami pengguguran inti dalam frasa nama subjek, seperti ayat “Berenang dapat menyihatkan badan.” Begitu juga halnya dengan ayat yang mengalami pengguguran subjek dalam ayat penyata, seperti “Jawab soalan dengan hati-hati.”, dan ayat majmuk yang predikatnya serupa, misalnya “Adik dan kakak ke rumah nenek.” dan “Azri, Azman, dan Azam pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia.”

Namun demikian, calon yang lemah tidak dapat menjawab soalan ini. Bagi soalan 37(a), kelemahan yang ketara ialah calon bukannya memberikan contoh peluasan ayat seperti dalam proses penghasilan ayat terbitan, sebaliknya mereka meluaskan bahagian-bahagian frasa tertentu dalam ayat, iaitu memberikan frasa keterangan kepada subjek atau predikat. Akibatnya, ayat yang terhasil bukanlah ayat majmuk, tetapi masih ayat tunggal. Contohnya:

- (i) *Mereka berkelah di tepi pantai *pada hujung minggu*.
- (ii) *Halim menonton siaran bola sepak *hingga pagi buta*.
- (iii) *Adik memenangi pertandingan melukis *di sekolahnya*.
- (iv) *Ibu memasak nasi lemak *pagi tadi*.
- (v) *Rumah *di tepi sawah itu* rumah nenek saya.

Bagi soalan 37(b), ada calon yang memberikan contoh ayat majmuk tetapi ayat itu tidak mengalami apa-apa unsur pengguguran. Calon yang lain pula memberikan contoh pengguguran sesuatu unsur dalam ayat tetapi ayat yang terhasil ialah ayat yang tidak gramatis. Contohnya:

- (i) *Menebang pokok. (Ayat tergantung)
- (ii) *Berjalan ke rumah saya. (Ayat tergantung)
- (iii) *Mereka menjamu. (Ayat tergantung)
- (iv) *Lelaki yang berbaju ungu itu. (Ayat tergantung)
- (v) *Krisis kecelaruan identiti semakin berleluasa. (Tiada pengguguran)
- (vi) *Ayam serama itu mengais-ngais makanannya. (Tiada pengguguran)

Jawapan-jawapan yang sedemikian menggambarkan bahawa calon tidak memahami konsep pengguguran dalam proses penerbitan ayat yang sebenarnya.

Soalan 38

Soalan ini memerlukan calon menganalisis kesalahan bahasa berdasarkan petikan yang diberikan. Calon hanya perlu menyenaraikan tiga kesalahan bahasa, menjelaskan sebab kesalahan, dan menulis pembetulannya. Petikan yang diberikan adalah seperti yang berikut:

Semangat kejiranan pada bandar dan pinggir bandar negara ini mungkin luntur sepuluh tahun lagi jika jalan penyelesaian bagi menyelamatkan hal tersebut tidak dicari. Kajian yang dibuat oleh Unit Khas Utusan Malaysia tentang isu berkenaan mendapati 86 peratus responden tidak pernah bertemu atau berbual-bual dengan jiran-jiran. Ketiadaan masa akibat tuntutan kerjaya dan masalah keluarga merupakan alasan utama yang diberikan oleh responden. Selain itu, ada responden yang berpendapat keadaan tersebut berpunca daripada sikap individualistik masyarakat kini. Sekali gus menggambarkan kerapuhan hubungan kejiranan masyarakat di negara ini.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Kesalahan</i>	<i>Sebab kesalahan</i>	<i>Pembetulan</i>
(a)	Semangat kejiranan pada bandar...	Salah penggunaan KSN. KSN pada sebenarnya digunakan untuk menunjukkan masa atau tempat sesuatu perkara dilakukan.	Semangat kejiranan di bandar...
(b)	...bandar dan pinggir bandar...	Tiada KSN. Dalam konteks itu KSN perlu digunakan di hadapan kata nama yang menunjukkan tempat.	...bandar dan di pinggir bandar...
(c)	...bandar negara ini...	Tiada KSN di hadapan kata nama yang menunjukkan tempat.	...bandar di negara ini...
(d)	Selain itu, ada responden yang berpendapat keadaan tersebut...	Tiada kata hubung komplemen dalam ayat komplemen.	Selain itu, ada responden yang berpendapat bahawa keadaan tersebut...
(e)	Sekali gus menggambarkan kerapuhan hubungan kejiranan...	Ayat tiada subjek/ menjadikan kata adverba sekali gus sebagai subjek ayat.	Sekali gus hal itu/perkara itu/ia menggambarkan kerapuhan hubungan kejiranan...

Prestasi calon dalam bahagian ini agak baik. Ramai calon mendapat 5 markah dan ke atas, daripada markah penuh, iaitu 9 markah, malahan ada yang mampu mendapat markah penuh. Namun begitu, ada juga calon yang tidak mendapat sebarang markah tetapi jumlahnya tidak begitu ramai. Hal ini menunjukkan bahawa ada calon yang tidak menguasai bahagian ini. Selain itu, jelas menunjukkan bahawa soalan ini bersifat diskriminatif, iaitu dapat membezakan antara calon yang cemerlang dengan calon yang lemah. Satu hal yang menguntungkan calon ialah adanya tiga kesalahan yang jenisnya dapat dikategorikan sebagai jenis yang sama pada bahagian awal petikan, iaitu kesalahan yang berkaitan dengan penggunaan kata sendi nama.

Antara kesalahan yang dapat dikenal pasti oleh calon, dapat dijelaskan oleh mereka sebab kesalahannya, dan pembetulan yang diberikan tepat ialah bagi kesalahan (a), (d), dan (e). Ramai calon yang mengetahui bahawa ayat komplemen frasa kerja yang menggunakan kata kerja aktif tak transitif tidak boleh digugurkan kata hubung komplemennya, iaitu *bahawa*. Begitu juga halnya untuk kesalahan (e), calon dapat mengesan bahawa ayat akhir itu ialah ayat tergantung kerana tidak mempunyai subjek. Ramai calon yang memperoleh markah penuh untuk kedua-dua jenis kesalahan ini.

Secara keseluruhan, prestasi calon masih belum cukup memuaskan. Daripada lima kesalahan yang terdapat dalam petikan, hanya kesalahan (a) dan kesalahan (b) yang dapat dikesan oleh kebanyakan calon. Untuk kesalahan tersebut, ada antara calon yang dapat menjelaskan sebab kesalahan dan membetulkannya dengan tepat. Untuk kesalahan (c), boleh dikatakan tidak ada calon yang dapat mengesannya. Masalah besar calon untuk bahagian ini ialah ketidakmampuan calon untuk menjelaskan sebab kesalahan. Ramai calon yang mengosongkan ruang jawapan untuk penjelasan tentang sebab

kesalahan ataupun calon cuba menjawabnya tetapi salah. Kesalahan-kesalahan umum lain yang dilakukan oleh calon ialah mereka tidak mencatatkan bahagian yang salah dengan jelas. Sebaliknya, calon hanya mencatatkan sebahagian daripada binaan yang salah, misalnya "...pada..." (tanpa "... bandar..."), "...sekali gus..." tanpa "...menggambarkan..."), manakala jawapannya pula hanya ditulis "...di..." atau "...ia/hal ini...". Jawapan sebegini menyebabkan calon tidak diberikan sebarang markah kerana jawapannya tidak lengkap.

Ada juga calon yang menganggap bahawa sesuatu binaan yang betul itu sebagai salah, misalnya ramai yang mencatatkan frasa "bertemu atau berbual-bual", "bagi menyelamatkan hal tersebut", "mungkin luntur sepuluh tahun lagi", dan "sikap individualistik masyarakat kini", sebagai unsur yang salah binaannya. Akibatnya, mereka juga memberikan pembetulan yang salah. Selain itu, ramai juga calon yang memberikan sebab kesalahan dengan tidak lengkap atau tidak tepat, dan menggunakan istilah yang salah, contohnya, perkataan/frasa disebut sebagai ayat. Selain itu, ada juga yang menyatakan sebab kesalahan secara serkap jarang, misalnya, kesalahan imbuhan, kesalahan kata sendi, kesalahan ayat, kesalahan kata bantu, dan kesalahan penanda wacana yang semuanya tidak relevan dengan konteks kesalahan yang dipaparkan oleh calon.

BAHASA MELAYU (910/3)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 27 954 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 77.00 % daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	27.36	8.90	4.73	8.88	11.81	6.84	8.48	6.37	6.51	3.21	6.93

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	11	B
2	C	12	B
3	C	13	D
4	D	14	A
5	C	15	C
6	D	16	A
7	C	17	C
8	B	18	A
9	B	19	A
10	A	20	D

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A bagi semester ini adalah baik. Terdapat 33 calon yang memperoleh markah penuh, iaitu 20 markah. Seramai 68 calon pula mendapat 0 markah. Berdasarkan respons calon, didapati bahawa soalan 9, 10, 11, 14, dan 17 merupakan soalan aras mudah kerana lebih 70% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan-soalan lain pula merupakan soalan aras sederhana.

BAHAGIAN B: Struktur

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab semua soalan struktur yang diberikan. Markah penuh bagi bahagian ini ialah 45 markah. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam Bahagian B adalah baik. Terdapat seramai 288 calon memperoleh markah penuh dalam bahagian ini. Namun demikian, terdapat 3 calon yang memperoleh 0 markah.

Calon yang cukup arif dan faham tentang konsep wacana, retorik, variasi bahasa, semantik, dan pragmatik dilihat mampu menjawab setiap soalan dengan baik. Mereka dapat memahami kehendak soalan dan memberikan jawapan yang tepat. Contohnya, calon mampu membina wacana dengan menggunakan penanda wacana yang sesuai. Calon juga dapat mengenal pasti jenis dan ciri retorik berdasarkan rangsangan yang diberikan. Selain itu, calon mampu membina ayat yang menepati ciri-ciri variasi bahasa yang dikehendaki dalam soalan. Calon dilihat dapat menguasai tajuk untuk semester 3 dengan baik. Mereka dapat membezakan jenis-jenis laras bahasa. Oleh itu, calon dapat mengemukakan dua ciri laras bahasa sains. Mereka juga dapat menghasilkan wacana yang menepati laras bahasa resipi dengan tepat.

Untuk tajuk semantik pula, calon dapat membezakan makna denotatif dan makna konotatif. Mereka juga dapat mengenal pasti perkaitan makna perkataan bersinonim dan antonim. Selain itu, calon dapat mengelompokkan perkataan yang mengalami peluasan makna dan penyempitan makna. Untuk tajuk pragmatik, ada calon yang dapat memahami maksud peribahasa yang diberikan, seterusnya membina wacana yang dapat menunjukkan maksud peribahasa tersebut. Calon juga dapat membina ayat dengan menggunakan kiasan melompat dan kiasan pemanis. Selain itu, calon dapat mengenal pasti ragam bahasa terbalik dan membina wacana yang menepati ragam bahasa tersebut. Dari aspek kesantunan berbahasa, calon dapat menguasai tajuk ini dengan baik. Mereka dapat mengenal pasti jenis gelaran dan memberikan contoh bagi setiap jenis tersebut.

Kelemahan calon yang dikesan adalah dari segi ketelitian dalam memberikan jawapan. Ada calon yang membina dua ayat, sedangkan soalan hanya menghendaki calon membina satu ayat. Hanya ayat yang pertama yang disemak, walaupun unsur jawapan terdapat dalam ayat kedua yang dibina oleh calon. Bagi soalan yang meminta calon membina wacana pula, mereka hanya membina satu ayat sedangkan pada peringkat STPM, wacana mestilah melebihi satu ayat. Kelemahan sedemikian merugikan calon kerana mereka tidak memperoleh markah untuk soalan-soalan tersebut.

Komen soalan demi soalan

Soalan 21

Soalan 21 menghendaki calon membina satu wacana yang mengandungi penanda penghubung dan penanda rujukan berdasarkan permulaan petikan yang diberikan. Panjang wacana hendaklah tidak melebihi 40 patah perkataan. Permulaan petikan yang diberikan adalah seperti yang berikut:

Semua penduduk berkumpul di hadapan rumah ketua kampung

Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Semua penduduk berkumpul di hadapan rumah ketua kampung. *Kemudian*, empat orang daripada *mereka* dilihat menaiki kenderaan pacuan empat roda. *Selepas itu*, beberapa orang pemuda bergegas mengekori kenderaan tersebut dengan menaiki motosikal dan kereta.

Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapan yang diberikan mengandungi penanda penghubung dan penanda rujukan yang sesuai. Wacana yang dibina juga mempunyai kohesi dan koheren. Oleh itu, mereka mendapat markah penuh untuk soalan ini.

Namun demikian, ada juga calon yang tidak mendapat sebarang markah untuk soalan ini. Kelemahan calon sebegini ialah mereka tidak menggunakan penanda penghubung dan penanda rujukan dalam wacana yang dibina. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan dalam satu ayat sahaja. Hal ini menyebabkan mereka mendapat 0 markah.

Contoh jawapan yang kurang tepat adalah seperti yang berikut:

Semua penduduk berkumpul di hadapan rumah ketua kampung kerana berlakunya kebocoran gas dan akhirnya meletup yang menyebabkan kebakaran tersebut berlaku.

Soalan 22

Soalan 22 terbahagi kepada dua, iaitu 22(a) dan 22(b), berdasarkan rangsangan yang berikut:

<i>Ciri retorik</i>
<ul style="list-style-type: none">• Memberikan gambaran yang realistik• Tidak melibatkan unsur emosi penulis• Mendeskripsikan sesuatu secara objektif

Soalan 22(a) meminta calon menyatakan jenis retorik yang menepati ciri tersebut. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini ialah retorik pemerian. Soalan 22(b) pula menghendaki calon membina sebuah wacana yang menepati ciri tersebut. Panjang wacana hendaklah tidak melebihi 40 patah perkataan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan 22(b) adalah seperti yang berikut:

Rumah Ahmad merupakan banglo dua tingkat. Ruang tamu di tingkat bawah dihiasi dengan set sofa kayu yang berukiran penuh. Susun atur perabot di ruang ini menarik dan eksklusif.

Kebanyakan calon dapat mengenal pasti jenis retorik ini, iaitu retorik pemerian. Mereka juga dapat membina wacana yang menepati jenis retorik ini. Mereka membina wacana yang realistik, bersifat objektif, dan tidak melibatkan unsur emosi penulis. Wacana yang dibina juga mempunyai kohesi dan koheren.

Namun demikian, ada juga calon yang tidak memperoleh markah untuk soalan 22(b). Hal ini dikatakan demikian kerana mereka memberikan jawapan dalam satu ayat sahaja. Ada juga calon yang memberikan jawapan yang tidak menepati retorik pemerian, sebaliknya mereka memberikan jawapan dalam bentuk retorik pendedahan.

Contoh jawapan yang tidak tepat adalah seperti yang berikut:

Hutan ialah anugerah tuhan yang perlu dijaga agar kelestariannya tetap terjaga. Hutan mengandungi flora dan fauna. Hutan juga merupakan habitat pelbagai jenis haiwan dan hidupan. Aktiviti manusia seperti pembalakan telah memusnahkan hutan. Pembalakan perlu dihentikan.

Soalan 23

Soalan 23 menghendaki calon menyusun semula ayat-ayat di bawah bagi menghasilkan satu wacana dengan satu teknik penyampaian idea yang betul.

Ayat 1:	MPOB sentiasa berusaha untuk menangani isu-isu pengeluaran minyak sawit, terutamanya isu kemapanan yang sering dibangkitkan pada peringkat antarabangsa.
Ayat 2:	Malaysia nampaknya bersiap sedia untuk menjadi pengeluar terbesar minyak sawit berkualiti tinggi di dunia menjelang tahun 2020.
Ayat 3:	Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berkata, MPOB berusaha untuk meneruskan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan lebih inovatif pada masa hadapan.
Ayat 4:	MPOB akan menjalankan pelbagai langkah strategik bagi meningkatkan produktiviti dan menambah baik amalan pengeluaran produk tambah nilai.

Untuk menjawab soalan ini, calon sepatutnya menyusun semula ayat-ayat di atas supaya membentuk satu wacana dengan teknik deduksi atau teknik induksi. Contoh jawapan yang tepat adalah seperti yang berikut:

(a) Teknik deduksi

Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berkata, MPOB berusaha untuk meneruskan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan lebih inovatif pada masa hadapan. MPOB sentiasa berusaha untuk menangani isu-isu pengeluaran minyak sawit, terutamanya isu kemapanan yang sering dibangkitkan pada peringkat antarabangsa. MPOB akan menjalankan pelbagai langkah strategik bagi meningkatkan produktiviti dan menambah baik amalan pengeluaran produk tambah nilai. Malaysia nampaknya bersiap sedia untuk menjadi pengeluar terbesar minyak sawit berkualiti tinggi di dunia menjelang tahun 2020.

(b) Teknik induksi

Malaysia nampaknya bersiap sedia untuk menjadi pengeluar terbesar minyak sawit berkualiti tinggi di dunia menjelang tahun 2020. Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berkata, MPOB berusaha untuk meneruskan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan lebih inovatif pada masa hadapan. MPOB sentiasa berusaha untuk menangani isu-isu pengeluaran minyak sawit, terutamanya isu kemapanan yang sering dibangkitkan pada peringkat antarabangsa. MPOB akan menjalankan pelbagai langkah strategik bagi meningkatkan produktiviti dan menambah baik amalan pengeluaran produk tambah nilai.

Kebanyakan calon dapat menyusun semula ayat-ayat yang diberikan dalam soalan, sama ada untuk membentuk wacana dengan teknik induksi atau teknik deduksi. Calon dapat mengenal pasti pernyataan umum dan pernyataan khusus. Calon sedemikian memperoleh markah penuh untuk soalan ini. Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak mendapat sebarang markah untuk soalan ini. Mereka tidak dapat membezakan pernyataan umum dengan pernyataan khusus. Selain itu, ada calon yang memperoleh 2 atau 3 markah sahaja kerana jawapan yang diberikan tidak lengkap. Calon seperti ini hanya menulis dua atau tiga ayat sahaja daripada empat ayat yang diberikan dalam soalan.

Soalan 24

Variasi bahasa X	Kosa katanya hanya difahami oleh kelompok tertentu dan bersifat tidak kekal.
------------------	--

Soalan 24 terbahagi kepada dua, iaitu 24(a) dan 24(b). Soalan 24(a) meminta calon menyatakan jenis variasi bahasa X. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah bahasa slanga. Soalan 24(b) pula meminta calon memberikan dua contoh kosa kata yang sesuai untuk variasi bahasa X dan padanannya dalam bahasa baku. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

	<i>Kosa kata variasi bahasa X</i>	<i>Padanannya dalam bahasa baku</i>
(i)	Payung	Belanja
(ii)	Set	Setuju

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Mereka dapat mengenal pasti variasi bahasa X merupakan bahasa slanga dan memberikan contoh kosa katanya. Calon juga dapat memberikan padanan kosa kata bahasa slanga dalam bahasa baku. Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak dapat mengenal pasti variasi bahasa X. Mereka keliru antara bahasa slanga dengan bahasa pijin atau bahasa pasar. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini.

Untuk soalan 24(b), ada antara calon yang memberikan jawapan dalam bentuk ayat, contohnya seperti yang berikut:

	<i>Kosa kata variasi bahasa X</i>	<i>Padanannya dalam bahasa baku</i>
(i)	Lu punya kakak	Awak punya kakak
(ii)	Bak aku 50 sen	Bagi aku 50 sen

Bentuk jawapan sedemikian menyebabkan calon tidak mendapat sebarang markah untuk soalan ini.

Soalan 25

Soalan 25 meminta calon membina satu contoh ayat untuk setiap variasi bahasa *P* dan bahasa *Q*.

Variasi bahasa <i>P</i>	Bahasa yang digunakan secara beradab dan bersopan santun.
Variasi bahasa <i>Q</i>	Bahasa yang digunakan dalam perhubungan kerabat diraja.

Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

(a) *P*: Orang rumah Encik Tarmizi berasal dari negeri Johor.

(b) *Q*: Usaha adinda bersedih lagi atas kemangkatan bonda.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat membezakan ciri variasi bahasa halus dengan bahasa istana.

Namun demikian, ada calon yang memperoleh 0 markah untuk soalan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka menulis jawapan dalam bentuk perkataan atau frasa. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan lebih daripada satu ayat, seperti contoh yang berikut:

(a) *P*: Zamri telah berkahwin tahun lepas. Kini, orang rumahnya berbadan dua.

(b) *Q*: Bumi Melaka ini bumi berdaulat. Sehiris luka beta terima, se-Melaka sakitnya dirasai”, kata Sultan Melaka kepada Puteri Majapahit.

Jawapan sebegini tidak diterima.

Soalan 26

Soalan 26 menghendaki calon memberikan dua ciri laras bahasa bagi petikan yang berikut:

Teknologi perubatan kini semakin maju. Antara teknologi yang mengalami perubahan ialah teknologi peralatan perubatan. Peralatan perubatan yang memanfaatkan komputer semakin canggih dan hal ini mengurangkan risiko kegagalan dalam rawatan. Sebagai contoh, pakar tidak lagi menggunakan pisau bedah tetapi mereka melakukan pembedahan dengan menggunakan sinar laser.

Antara contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Bersifat intelektual/saintifik/formal/objektif
- (b) Banyak menggunakan kosa kata pinjaman
- (c) Mengandungi istilah khusus dalam bidang perubatan
- (d) Banyak menggunakan kata nama
- (e) Maklumat berdasarkan kajian, fakta, dan eksperimen
- (f) Menggunakan formula atau rumus yang berkaitan dengan sains
- (g) Menggunakan perkataan yang tepat dan tidak mengandungi unsur lewah

Kebanyakan calon mendapat markah penuh untuk soalan ini kerana mereka dapat memberikan jawapan yang tepat. Mereka dapat mengenal pasti laras bahasa sains yang terdapat dalam petikan tersebut. Namun demikian, ada juga calon yang tidak mendapat markah untuk soalan ini. Calon sedemikian memberikan jawapan seperti yang berikut:

- (a) Laras bahasa sains
- (b) Laras bahasa akademik

Jawapan sebegini salah kerana soalan menanyakan ciri laras bahasa, bukannya jenis laras bahasa.

Soalan 27

Soalan 27 berdasarkan rangsangan yang berikut:

- Bahasanya ringkas, tepat, dan jelas
- Banyak menggunakan ayat perintah
- Penjelasan mengikut turutan

Soalan 27 terbahagi kepada dua, iaitu 27(a) dan 27(b). Soalan 27(a) meminta calon menyatakan jenis laras bahasa yang menepati ciri yang diberikan dalam rangsangan. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah laras bahasa resipi. Soalan 27(b) meminta calon membina satu wacana yang menepati ciri laras bahasa tersebut. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Kisar semua bahan. Panaskan minyak. Tumis cili. Masukkan bahan yang dikisar. Kacau hingga sebat. Masukkan ketam. Masukkan garam dan gula secukup rasa. Kecilkan api. Tabur daun ketumbar.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengenal pasti ciri yang diberikan dalam rangsangan ialah ciri bagi laras bahasa resipi. Mereka juga dapat membina wacana dalam laras bahasa resipi dengan tepat.

Namun demikian, ada juga calon yang tidak memperoleh markah untuk soalan 27(b). Meskipun mereka dapat mengenal pasti laras bahasa resipi, namun mereka tidak dapat membina wacana yang menepati laras bahasa ini. Contoh wacana yang dibina oleh mereka adalah seperti yang berikut:

Satu pertandingan memasak antara pelajar tingkatan 5 akan diadakan pada minggu hadapan. Setiap kumpulan yang berminat dikenakan bayaran minimum. Hadiah yang ditawarkan cukup lumayan.

Jawapan sedemikian tidak diterima kerana tidak menepati laras bahasa resipi. Ada calon yang cuba membina wacana dalam laras bahasa resipi namun tidak tepat kerana calon menulis jawapan dalam bentuk ayat yang lengkap. Jawapan sedemikian kurang tepat kerana laras bahasa resipi sepatutnya berbentuk ringkas. Ada juga calon yang memberikan jawapan dengan menggunakan laras bahasa iklan. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan dalam satu ayat. Hal ini menyebabkan mereka tidak mendapat sebarang markah.

Soalan 28

Soalan 28 menghendaki calon membina dua ayat yang gramatis dengan menggunakan ungkapan *tulang belakang* bagi menunjukkan makna denotatif dan makna konotatif. Ungkapan tersebut tidak boleh diberikan imbuhan atau digandakan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

(a) Makna denotatif

Setelah jatuh di tangga rumahnya semalam, dia berasa sakit pada bahagian *tulang belakang*.

(b) Makna konotatif

Sejak dahulu lagi, dia memang merupakan *tulang belakang* keluarganya.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Calon dapat membina ayat dengan menggunakan ungkapan *tulang belakang* dengan betul kerana mereka memahami maksud ungkapan tersebut. Ada segelintir calon yang tidak memperoleh sebarang markah untuk soalan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka tertukar antara makna denotatif dengan makna konotatif bagi ungkapan *tulang belakang*. Terdapat juga calon yang tidak memahami kehendak soalan. Mereka tidak membina ayat, sebaliknya mereka memberikan makna denotatif dan makna konotatif bagi ungkapan *tulang belakang*.

Soalan 29

Soalan 29 menghendaki calon menyatakan perkaitan makna bagi pasangan perkataan yang berikut:

(a)	Cerdik – pintar
(b)	Mahal – murah

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

(a) Sinonim

(b) Antonim


Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka memperoleh markah penuh. Hanya ada segelintir calon yang tidak memperoleh sebarang markah kerana mereka tidak memahami kehendak soalan. Mereka tidak memberikan perkaitan makna perkataan, sebaliknya mereka memberikan makna bagi perkataan-perkataan tersebut.

Soalan 30

Soalan 30 menghendaki calon mengelompokkan perkataan yang mengalami peluasan makna dan penyempitan makna dalam rajah yang disediakan.

Taman	Imam	Sarjana	Madrasah
-------	------	---------	----------

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:



Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat memahami konsep peluasan makna dan penyempitan makna. Hanya ada sebilangan kecil calon yang tidak dapat menjawab soalan ini kerana mereka tidak dapat mengenal pasti perubahan makna yang berlaku kepada keempat-empat perkataan yang diberikan.

Soalan 31

Soalan 31 terbahagi kepada dua, iaitu 31(a) dan 31(b). Soalan 31(a) menghendaki calon membina satu wacana dengan menggunakan peribahasa “ayam bertelur di atas padi” bagi menunjukkan maknanya dengan tepat. Panjang wacana yang dibina hendaklah tidak melebihi 30 patah perkataan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Sejak memenangi pingat emas dalam Sukan Olimpik, nasib keluarga atlet itu berubah. Kehidupan mereka lebih senang, seperti ayam bertelur di atas padi.

Hanya segelintir calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Calon dapat memahami maksud peribahasa berkenaan seterusnya dapat membina wacana yang utuh bagi menjelaskan maksudnya. Hal ini membolehkan calon mendapat markah penuh untuk soalan ini. Namun demikian, kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini. Kelemahan calon yang ketara ialah mereka tidak memahami makna peribahasa yang diberikan. Buktinya, wacana yang dibina langsung tidak menunjukkan makna peribahasa tersebut. Selain itu, ada juga calon yang memberikan jawapan dalam satu ayat sahaja. Kelemahan-kelemahan sedemikian menyebabkan calon tidak memperoleh sebarang markah untuk soalan ini. Contoh jawapan calon yang tidak diterima adalah seperti yang berikut:

- (i) Sikap Pak Mat yang suka meletakkan barang di merata-rata tempat umpama ayam bertelur di atas padi.
- (ii) Kehidupan Sarra yang sentiasa memakai barangan dan pakaian yang mewah boleh diibaratkan seperti ayam bertelur di atas padi.
- (iii) “Berhenti saja mencintai Yana. Yana sudah mempunyai. Jangan sampai ayam bertelur di atas padi,” kata ayah kepada Aiman.
- (iv) Ali sentiasa memenangi semua pertandingan yang dia sertai. Kawan-kawannya merancang mahu menganiaya dia pada waktu hadapan semasa dia menyertai pertandingan lain.

Soalan 31(b) meminta calon membina satu ayat dengan menggunakan kiasan melompat dan satu ayat dengan menggunakan kiasan pemanis. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Kiasan melompat
Ibu sedang menjahit baju yang ditempah oleh jiran.
- (ii) Kiasan pemanis
Amin memperkenalkan orang rumahnya kepada rakan-rakannya.

Kebanyakan calon mendapat markah penuh untuk soalan ini. Mereka dapat membina ayat yang betul dengan menggunakan kiasan melompat dan kiasan pemanis. Ayat yang dibina menunjukkan bahawa calon memahami maksud kiasan melompat dan kiasan pemanis yang digunakan. Namun demikian, ada sebilangan kecil calon yang tidak mendapat sebarang markah untuk soalan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka membina dua ayat, dan kiasan yang digunakan terdapat dalam ayat kedua. Hal ini menyebabkan mereka tidak diberikan sebarang markah kerana soalan menghendaki calon membina satu ayat sahaja bagi setiap jenis kiasan. Ada juga calon yang memberikan jawapan dalam bentuk frasa. Selain itu, ada calon yang tidak dapat membezakan jenis kiasan. Mereka membina ayat yang mengandungi kiasan asal dan kiasan terus. Contoh jawapan calon yang tidak diterima adalah seperti yang berikut:

- (i) Kiasan melompat
 - Yang sudah lari jangan dikejar lagi, kata ibu kepada Suffian.
 - Menanak nasi
 - Siti tidak suka keluar pada waktu siang kerana dia puteri lilin.
- (ii) Kiasan pemanis
 - Muka Maryam cantik bak bulan purnama.
 - Anak emas
 - Atiqah adalah seorang wanita yang mulut manis.

Soalan 32

Soalan 32 terbahagi kepada dua, iaitu 32(a) dan 32(b). Soalan 32(a) menghendaki calon menyatakan jenis ragam bahasa X berdasarkan contoh yang diberikan.

<i>Ragam bahasa X</i>
Tadi dah jatuh. Panjatlal lagi. Esok panjat tinggi lagi.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah bahasa terbalik. Soalan 32(b) pula menghendaki calon membina satu wacana untuk menunjukkan contoh lain bagi ragam bahasa X. Panjang wacana yang dibina mestilah tidak melebihi 20 patah perkataan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Eh, awalnya awak sampai? Baru dua jam saya menunggu di sini!

Kebanyakan calon dapat mengenal pasti ragam bahasa X, iaitu bahasa terbalik. Mereka dapat memberikan contoh lain bagi ragam bahasa tersebut. Oleh itu, calon mendapat markah penuh untuk soalan ini. Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak mendapat markah. Hal ini dikatakan demikian kerana calon tidak dapat membezakan antara jenis ragam bahasa terbalik dengan ragam bahasa yang lain, khususnya ragam bahasa sindiran dan ragam bahasa berulang. Kesannya, calon

membina wacana yang tidak tepat untuk soalan 32(b). Selain itu, ada calon yang menulis jawapan dalam satu ayat sahaja. Hal ini menyebabkan mereka tidak mendapat sebarang markah. Contoh jawapan calon yang tidak tepat adalah seperti yang berikut:

- (i) Bawaklah motor laju-laju lagi.
- (ii) Hai, tak padan dengan miskin, ada hati nak kahwin.
- (iii) Makan, makan, makan. Itu sajarah yang kau tahu!

Soalan 33

Soalan 33 menghendaki calon menyatakan tiga jenis gelaran yang dimiliki oleh Tengku Aryan berserta dengan contohnya berdasarkan petikan yang diberikan:

Tengku Aryan ialah anak tunggal kepada Tengku Bukhari dengan Tengku Maryam. Beliau telah dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Perubatan dari Universiti Kaherah, Mesir. Beliau juga telah menunaikan ibadah haji sebelum menamatkan pengajiannya di Mesir.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Jenis gelaran: Gelaran warisan/keturunan
(ii) Contoh: Tengku
- (b) (i) Jenis gelaran: Gelaran ikhtisas/akademik
(ii) Contoh: Doktor
- (c) (i) Jenis gelaran: Gelaran keagamaan
(ii) Contoh: Haji

Kebanyakan calon memperoleh markah penuh untuk soalan ini. Mereka dapat menyatakan tiga jenis gelaran dengan tepat dan memberikan contohnya. Hanya ada segelintir calon yang tidak mendapat sebarang markah kerana istilah yang digunakan bagi jenis gelaran tidak tepat. Selain itu, ada juga calon yang tertukar antara jenis gelaran dengan contohnya. Sebagai contoh, mereka menyatakan “doktor” sebagai jenis gelaran dan “gelaran akademik” sebagai contoh. Ada juga calon yang memberikan contoh yang tidak tepat dengan jenis gelaran. Hal ini menyebabkan mereka tidak memperoleh sebarang markah untuk bahagian contoh.

Laporan Peperiksaan STPM 2018



SASBADI SDN. BHD. (139288-X)

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: www.sasbadisb.com e-mel: enquiry@sasbadi.com



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488

e-mel: ppa@mpm.edu.my

ISBN 978-983-77-1294-2



9 789837 712942